

21/02/1998

Siap sedia kawal penyakit berjangkit

KOTA BHARU, Jumaat - Jabatan Kesihatan di semua negeri diarah mengawasi kemungkinan berlakunya wabak penyakit berjangkit akibat musim kemarau yang melanda negara sekarang.

Pengarah Kawalan Penyakit di Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Abdul Aziz Mahmood, berkata kawalan rapi itu perlu kerana wabak penyakit berjangkit, terutama taun dan kepialu mudah merebak dalam keadaan cuaca panas.

Menurutnya, arahan itu sebagai langkah awal kerajaan bagi mengawal penyakit yang mudah merebak di negara ini.

"Langkah itu juga penting bagi mengelakkan terjejasnya kedatangan pelawat luar negara sempena Sukan Komanwel (Sukom) 1998, September ini.

"Arahan sudah dikeluarkan kepada semua Pegarah Jabatan Kesihatan negeri supaya mengambil tindakan perlu bagi memastikan wabak penyakit berjangkit tidak berlaku pada musim panas ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Pameran Penerangan Dadah dan Aids Peringkat Negeri Kelantan sempena Hari Aids Sedunia di Balai Islam, Lundang, dekat sini, hari ini.

Majlis itu anjuran Pertubuhan Bimbingan Pesakit Kelantan (Penawar). Hadir sama Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir dan Pengerusi Jawatankuasa Pameran itu, Muhamad Zain Musa.

(END)